



KATA SAMBUTAN

YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
MENTERI HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*PERJUMPAAN VIRTUAL
SEMPENA
PERTEMUAN TIDAK RASMI MENTERI MENTERI AGAMA NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM, REPUBLIK INDONESIA, MALAYSIA DAN
SINGAPURA (MABIMS)*

PADA HARI RABU
3 JAMADIL AWAL 1443 / 8 DISEMBER 2021

BERTEMPAT
DI PEJABAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالْمَيْنَ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salutasi :

*Yang Mulia Bapak Dr. H. Zainatut Tauhid Saadi,
Wakil Menteri Agama Republik Indonesia
tampil bagi pihak Menteri Agama Republik Indonesia yang berhalangan
beserta delegasi Republik Indonesia yang mendampingi.*

*Yang Berhormat Senator Ustaz Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (Hal Ehwal Ugama)
beserta sekalian delegasi Malaysia yang mendampingi.*

*Yang Berhormat Encik Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad,
Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan, & Menteri
Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Republik Singapura beserta
delegasi Republik Singapura yang mendampingi.*

*Demikian juga saya mengalu-alukan keikutsertaan sahabat-sahabat daripada
Negara Kemboja yang dipimpin oleh Yang Berhormat Oknha Datuk Dr Othman Hassan,
Menteri Senior Bertanggungjawab Atas Misi Khusus Urusan Islam, Negara Kemboja.
Juga berserta delegasinya yang berbahagia.*

* * * *

Alhamdulillah *wasysyukru* Lillah, atas rahmat serta izin-Nya *Pertemuan* ini dapat berlangsung.

Maka saya mengucapkan selamat bertemu kepada rakan-rakan sejawat para menteri beserta para pendamping masing-masing.

Dan khusus untuk sahabat-sahabat dari Negara Kemboja, saya ucapkan *Ahlan wasahlan wamarhaban*.

Kehadiran kita semua dalam *Pertemuan* secara maya ini adalah berkat dari niat murni kita pada mengeratkan perpaduan, melestarikan semangat kerjasama dan persefahaman dalam bidang keugamaan untuk faedah masyarakat dan umat Islam di negara-negara anggota MABIMS.

Dalam kesempatan ini saya ucapkan terima kasih dan sampaikan rasa penghargaan yang tinggi kepada Bapak Menteri Agama Republik Indonesia yang berperanan selaku tuan rumah *Pertemuan* secara maya ini dan kepada kerabat kerja kita di masing-masing Sekretariat MABIMS. Merekalah yang telah berusaha gigih memungkinkan *Pertemuan* ini berlangsung dengan persiapannya yang rapi.

Untuk maksud perkenalan, saya sukcita pula menyatakan bahawa dalam pertemua ini saya didampingi oleh rakan-rakan kerabat kerja dari Kementerian Hal Ehwal Ugama:

1. Yang Mulia Pengiran Dato Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar,
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama;

2. Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, *Setiausaha Tetap*, selaku Ketua Delegasi Pertemuan Tingkat SOM;
3. Yang Mulia Ustaz Awang Haji Mohammad Serudin bin Haji Timbang, *Timbalan Setiausaha Tetap*;
4. Yang Mulia Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, *Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Ketua Bahagian Antarabangsa dan MABIMS* selaku Ketua Sekretariat MABIMS Brunei;
5. Yang Mulia Ustaz Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohammad Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu Penerbitan Tafsir 'Ilmi MABIMS;
6. Yang Mulia Ustaz Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, *Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah* selaku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS;
7. Ustazah Hajah Omi Klsum bin Haji Mohd. Noor, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, selaku penyelaras penerbitan Buku Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025;
8. Yang Mulia Awang Haji Nor Yusof Ain bin Haji Mohammad Nor, Pegawai Pelajaran, Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, selaku Anggota Sekretariat MABIMS Brunei;

9. Yang Mulia Dayangku Musharafah binti Pengiran Haji Kamarudin, Pegawai Pelajaran, Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, selaku Anggota Sekretariat MABIMS Brunei.

* * * *

Rakan-rakan yang berbahagia,

Sesungguhnya *Pertemuan* kita secara maya atas talian ini mengilhamkan tentang hikmah kepentingan *ilmu* dan sekali gus kepentingan usaha untuk *menguasai teknologinya*. Dalam kontek ini ialah teknologi ilmu dalam bidang *info komunikasi*.

Sehubungan dengan ini, yang menyebabkan kita setakat dapat bertemu secara maya ini ialah wabak COVID – 19 yang masih melanda. Usaha mencegahnya, mengawal penularan jangkitannya ialah dengan berpaksikan kaedah ubat dan rawatan professional.

Nah! Sekali lagi ia meneguhkan keyakinan kita kepada kepentingan ilmu dan menguasai berbagai kemahiran menurut bidang-bidangnya.

Setakat pengalaman kami di Brunei Darussalam, kami sambut dan terima baik kaedah ini dan kita justifikasikannya dengan hukum syara'.

Maka atas alasan itu pula, selaku umat ber'aqidah yang mengimani Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kita wajar melengkapkan usaha-usaha pencegahan dan kawalan penularan jangkitan itu dengan amalan-amalan kerohanian yang sewajarnya. Kita pohonkan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* perlindunganNya untuk keselamatan semua. Kita doakan semoga usaha-usaha professional akan berhasil, in syaa Allah, untuk kita semua selamat dan sejahtera.

Maka sedemikian itulah kita harungi suasana wabak COVID – 19 dengan tenang, tidak panik. Dengan tabah sabar namun terus berusaha dan berikhtiar. Sebab kita diajarkan untuk meyakini bahawa wabak yang melanda tidak datang cuma-cuma.

Ada hikmahnya ia didatangkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk direnungkan. Ada pengajaran berharga untuk dipelajari.

Jika penyakit dari virus menguji tahap kekebalan atau ketahanan tubuh badan, “*body immunity*” atau “*body resistance*”, maka bencana wabak atau pandemik tentulah lebih dari itu. Ia serentak menguji mutu kejiwaan, ketahanan mental dan fizikal, rohani dan jasmani kita. Ia ujian untuk menentukan tahap dan mutu kemanusiaan kita sebagai makhluk Allah di bumi.


Firman Allah, Al-Qur'an Surah Al-Baqarah ayat 155, 156 dan 157 antaranya mengisyaratkan perbandingan ujian yang didatangkan oleh Allah dengan ujian berupa wabak yang melanda sekarang ini.

وَلَنَبْلُونَكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَرُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالثَّرَاتِ وَبَشِّرِ الْمُتَّقِينَ

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar:

الَّذِينَ إِذَا أَصْبَغْتُهُمْ مُّصِيبَةً قَالُواْ إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."



Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya.

* * * *

Rakan-rakan dan sahabat sekalian.

Kembali kepada *Pertemuan* kita tahun ini, saya melihat ada yang mustahak untuk sama-sama kita memberikan perhatian, iaitu Rancangan Strategik MABIMS untuk lima tahun ke hadapan : 2021 – 2025.

Ia menandakan kesediaan kita untuk melaksanakan berbagai rancangan atau program yang menepati sebagai hala tuju MABIMS dalam jangka waktu lima tahun itu.

Dalam masa yang sama, kita juga menyedari betapa masih terdapat program dalam Rancangan Strategik sebelum ini, yang mana disifatkan ada yang sedang berjalan dengan jayanya walaupun sebilangan program masih memerlukan usaha yang lebih untuk dilaksanakan.

Ertinya: tahun ini kita melangkah dengan dibekalkan rancangan strategik yang baharu. Dalam masa yang sama, kita akan meneruskan pelaksanaan program yang belum atau tidak terlaksana itu. Maka, bayangkanlah betapa lelahnya MABIMS untuk lima tahun mendatang.

Untuk itu sama-sama kita memikirkan bagaimana sebaiknya kita dapat menjayakan program-program baharu disamping melaksanakan program-program dalam Rancangan Strategik sebelum ini. Ataupun sebaiknya kita menilai semula program-program sedia ada yang boleh dikatakan tergendala itu.

Ini memerlukan SOM dalam mesyuarat-mesyuaratnya yang akan datang berusaha merumuskan huraiyan yang terbaik. Sambil itu mengatur gerak-kerja untuk pelaksanaan program-program dalam buku Rancangan Strategik lima tahun yang baharu yang akan kita luncurkan sebentar lagi.

Dan setentunya rakan-rakan kerabat kerja dalam Sekretariat kita akan juga mencari huraiyan tentang rentak dalam gerak-kerja masing-masing. Merekalah nadi MABIMS yang berperanan tidak setakat menurut musim-musim bagi sidang SOM atau Pertemuan MABIMS seperti ini.

Saya menaruh keyakinan bahawa *mereka boleh*. Ya! Pasti sekali, *Mereka Boleh*.

* * * * *

Seterusnya sebentar lagi dalam sesi *Pertemuan* ini, negara kami selaku Negara Penghubung Tetap akan menyerahkan peranan dan tugas yang disandangnya selama dua tahun kepada Negara Penghubung Tetap baharu, iaitu Republik Indonesia.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan rasa penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dan sahabat-sahabat sekalian. Kami megenang baik budi dan jasa mulia anda semua.

Ianya adalah tanda semangat muhibah antara sesama kita dalam *keluarga MABIMS*. Semoga mendatangkan berkat dan rahmat khasnya berupa ganjaran pahala amal soleh di dunia dan di hari kendila. Allahumma aamiin!

*Gotong ruyung orang sekampung
Berat sama dipikul ringan sama dijinjing
Tiba waktunya bingkisan dijunjung
Sedianya sudah tiada lagi yang asing*

*Dari Bandar Seri Begawan ke Kota Jakarta
Menaiki pesawat RB atau Garuda
Dengan hormat kami mohon Bapak terima
Meskipun dengan menghulurkan tangan secara maya*

* * * *

Sekianlah hingga tiba saatnya nanti kami akan tampil lagi.

Mohon maaf kami Sudah dengan mengucapkan terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
Rabu 04 Jamadilawal 1443/08 Disember 2021